

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 22 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1311-L16444
Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berpandangan cadangan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak agar institusi Dewan Negara dimansuhkan sebagai suatu bentuk provokasi dan mencabar prinsip demokrasi berperlembagaan negara sekaligus tidak menghormati institusi beraja di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.
2. PN-1311-L16514
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dibelanja oleh Kerajaan untuk BR1M250 dan BR1M500. Apakah rancangan BR1M untuk masa depan.
3. PN-1311-L16741
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam memperkasakan keharmonian kaum dan perpaduan kebangsaan dan sejauh manakah usaha menggalakkan kesederhanaan di kalangan rakyat berbilang kaum ke arah penyatuan nasional.
4. PN-1311-L16290
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah benar syarikat-syarikat milik Malaysia terlibat dalam kebakaran terbuka di Indonesia semasa krisis jerebu baru-baru ini dan sekiranya ya, namakan syarikat-syarikat tersebut dan juga tindakan yang diambil terhadap mereka.
5. PN-1311-L16281
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sambutan atau reaksi Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) terhadap arahan Kementerian (seperti dijanjikan oleh Timbalan Menteri dalam sidang Dewan Negara bulan April 2012 yang lalu) agar semua GLC memberi keutamaan kepada media cetak berbahasa kebangsaan dalam mengiklankan produk-produk mereka.

6. PN-1311-L16803
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian memandang serius beberapa insiden membabitkan syarikat penerbangan tempatan yang tidak memberi keutamaan kepada pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility-CSR*) kepada penumpang terutama ketika berada di luar negara.
7. PN-1311-L16500
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah Kerajaan Malaysia menerima keputusan rasmi pengurangan 20 peratus kuota Haji tahun 2013 daripada Kerajaan Arab Saudi. Apakah kesan yang dihadapi kerana pengurangan ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.
8. PN-1311-L16225
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setakat manakah kemajuan projek Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT 2) dan bilakah LPT 2 ini akan dapat disiapkan serta dibuka kepada orang awam serta nyatakan punca-punca kelewatan ini.
9. PN-1311-L16454
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah mekanisme yang perlu dilaksana bagi memastikan subsidi petrol oleh Kerajaan tidak dinikmati oleh warga asing tanpa kawalan.
10. PN-1311-L16655
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan serius dalam mencadangkan untuk membina sebuah jambatan konkrit menyeberangi Sungai Baram di Long Lama, Baram, Sarawak. Jika ya, bilakah projek itu akan bermula dan anggaran kos pembinaan jambatan tersebut.
11. PN-1311-L16596
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian atas usaha memperkasakan Bahasa Melayu sebagai alat penyatuan nasional sebagaimana termaktub dalam Laporan Razak dan Akta Pendidikan 1961 iaitu pendidikan negara perlu diseragamkan kepada semua kaum melalui penggunaan satu bahasa, iaitu Bahasa Melayu.
12. PN-1311-L16568
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan orang yang ditangkap kerana menyamar diri sebagai doktor dan memberi rawatan kepada orang awam. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan perkara seperti ini tidak diulangi.

13. PN-1311-L16396
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat yang diberikan pengecualian dari melaksanakan Akta Umur Persaraan Minimum, 2012 (Minimum Retirement Act, 2012). Atas dasar apakah pengecualian tersebut diberikan.
14. PN-1311-L16727
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah tunggakan taksiran dan cukai pintu yang tertunggak di Kuala Lumpur dan apakah tindakan pihak DBKL.
15. PN-1311-L16217
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru-guru dari suku kaum Murut di negeri Sabah yang berada dalam kategori JUSA, DG54, DG52, DG48, DG44 dan DG41. Bagaimana Kementerian dapat membantu golongan ini yang sering kali tercicir dalam kenaikan pangkat walaupun mereka layak seperti mana yang terkandung dalam iklan.
16. PN-1311-L16654
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemandu-pemandu teksi menghadapi masalah kerana terdapat syarikat yang memberi seorang pemandu menyewa sehingga 5 buah teksi. Pemandu ini pula memberi sub-sewa teksi-teksi tersebut kepada orang lain termasuk warga asing. Lebih menghairankan setiap teksi tersebut mempunyai Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD. Apakah tindakan Kementerian dalam mencegah perkara ini. Dicadangkan agar SPAD hanya mengeluarkan satu permit memandu kepada seorang pemandu teksi.
17. PN-1311-L16555
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kaedah diguna pakai dalam usaha menurunkan harga kenderaan antara 20-30 peratus secara berperingkat sehingga tahun 2017 tanpa berkompromi keupayaan daya saing kereta nasional.
18. PN-1311-L16912
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pihak Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Pendidikan melaksanakan penggunaan teknologi "Biometrik" dan "Poligraf" di semua sekolah di seluruh negara, bagi membendung kegiatan jenayah dan pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar. Adakah perlu kaedah tersebut dilaksanakan juga di peringkat IPTA dan IPTS.
19. PN-1311-L16357
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan peniaga-peniaga kecil dan sederhana (PKS) mampu bersaing di peringkat antarabangsa dalam jangka masa panjang.

20. PN-1311-L16874
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan purata murid yang sesuai untuk sesebuah sekolah, dan bilakah Kerajaan akan memulakan sekolah satu sesi.
21. PN-1311-L16815
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cadangan kepada Kerajaan menyemak agar pemberian BRIM di kaji semula daripada segi pendapatan sendiri dan isi rumah, seperti contoh segala borang permohonan hendaklah di semak dan disahkan oleh pengerusi JKKK/sidang dan penghulu kerana mereka lebih mengenali dan mendekati pemohon bagi mengelakkan penipuan.
22. PN-1311-L16201
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Sultan Sulu III masih mempunyai hak menuntut negeri Sabah sebagai miliknya dan apakah usaha-usaha Kerajaan Persekutuan menangani masalah ini.
23. PN-1311-L16221
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah tangkapan dan pendakwaan yang dibuat terhadap penganjur demonstrasi atau perhimpunan haram selepas PRU-13; dan
 - (b) sejauh mana ianya menggugat keamanan dan kestabilan negara dan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menangani keadaan yang tidak diingini ini supaya keadaan tidak bertambah buruk dan menggugat kestabilan negara.
24. PN-1311-L16782
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah dilakukan. Adakah cukai itu akan dilaksanakan secara berperingkat atau dengan serta-merta.
25. PN-1311-L16351
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status kedudukan Malaysia dalam senarai pengeksport minyak sawit ketika ini, jumlah negara yang menjadi pengimport utama minyak sawit Malaysia serta kemajuan nilai tambah penggunaan minyak sawit sebagai ubat, vitamin dan bahan biokimia.
26. PN-1311-L16422
Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat manakah Kementerian telah berjaya untuk mengurus perdanakan wanita di dalam sektor awam, korporat dan politik dan apakah pencapaian setakat ini di dalam dasar untuk memberi 30 peratus jawatan membuat keputusan (decision making) kepada wanita.

27. PN-1311-L16179
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini TALENTCORP dan berapa ramai rakyat Malaysia yang berbakat dapat dibawa pulang dan berkhidmat di Malaysia sehingga sekarang.
28. PN-1311-L16820
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pencerobohan di Lahad Datu, Sabah akan memberi kesan negatif terhadap usaha perjanjian damai Bangsamoro, Filipina khususnya bagi memelihara tahap keselamatan dan kesejahteraan di Wilayah Mindanao dan Sabah.
29. PN-1311-L16472
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan tentang pemaksaan pemeluk agama Islam oleh kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun.
30. PN-1311-L16829
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk mengatasi kewujudan gejala merebaknya krisis agama dan perkauman di kalangan rakyat Myanmar yang berada di Malaysia dan sejauh mana tindakan yang telah diambil telah memberi kesan yang positif.
31. PN-1311-L16209
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan unit rumah mampu milik dan projek perumahan rakyat yang diagihkan kepada negeri Sabah seperti mana yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional baru-baru ini.
32. PN-1311-L16337
Dato' Boon Som a/ Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan pekeliling bagi memaklumkan mengenai status kedudukan masyarakat Siam sebagai Bumiputera kepada semua Kementerian, jabatan serta agensi Kerajaan, badan berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC), walaupun fakta telah membuktikan bahawa masyarakat Siam di Malaysia memang adalah penduduk asal negara ini serta telah lama diiktiraf sebagai Bumiputera.
33. PN-1311-L16547
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewajibkan kelengkapan alat pemadam kebakaran di setiap rumah-rumah dan kenderaan termasuk alat pemadam jenis serbuk kering seberat tiga kilogram yang mudah dikendalikan bagi menangani kebakaran sementara menanti ketibaan anggota bomba.

34. PN-1311-L16898
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa siapakah yang menjadi pengerusi Jawatankuasa Kabinet untuk Pelaburan Projek-Projek Berimpak Tinggi dari tahun 2006 hingga 2010 yang mempunyai kuasa meluluskan projek-projek dan pelaburan Kerajaan terhadap projek-projek yang berimpak tinggi dan berkepentingan strategik.
35. PN-1311-L16294
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar baru Kementerian dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan terutamanya dalam usaha menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai alat perpaduan rakyat Malaysia.
36. PN-1311-L16295
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah kemajuan pelaksanaan jajaran rel kereta api pantai timur bagi menghubungkan Kuala Lumpur, Pahang dan Terengganu serta nyatakan kos yang dijangkakan.
37. PN-1311-L16635
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian terhadap cadangan untuk mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris (English Medium School).
38. PN-1311-L16579
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bahawa tanaman koko di negara kita menghadapi masalah serangan sejenis kulat yang payah dirawati. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
39. PN-1311-L16504
Puan Chew Lee Giok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan perwakilan masyarakat Cina apabila MCA dan PGRM mengambil keputusan tidak menyertai Kabinet. Bagaimanakah cara dan saluran untuk masyarakat Cina membangkitkan isu-isu perdagangan dan perindustrian kepada Kabinet.
40. PN-1311-L16171
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa banyakkah pusat pemulihan akhlak di seluruh Malaysia yang berdaftar di bawah Kementerian dan apakah Kerajaan sepatutnya menyenaraikan rumah dan pusat-pusat ini di laman web Kementerian agar dapat memudahkan ibu bapa serta mereka yang bermasalah ini berhubung terus dengan pihak yang berkenaan.
41. PN-1311-L16772
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada SPRM akan terlibat dalam proses rundingan dan pelaksanaan sebarang projek mega Kerajaan memandangkan terdapat banyak projek Kerajaan yang ada unsur-unsur penyelewengan. Jika tidak, jelaskan bagaimana unsur-unsur penyelewengan dalam proses-proses tersebut akan dihapuskan.

42. PN-1311-L16854
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentuk satu mekanisme baru yang mampu mengatasi isu sistem persekolahan vernakular yang dilihat tidak berupaya memupuk perpaduan kaum di Malaysia.
43. PN-1311-L16241
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bilangan pekerja asing yang sah dan tidak sah (PATI) di negara kita sekarang mengikut pecahan negara-negara. Nyatakan sektor-sektor utama dan angka-angka mereka yang terlibat; dan
 - (b) apakah langkah-langkah bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di negara kita kini.
44. PN-1311-L16742
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan syarikat pelancongan yang menguruskan umrah dan bilangan rakyat Malaysia yang mengerjakan Umrah bagi tahun 2012 dan terkini 2013 serta nyatakan apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk membendung sindiket penipuan pakej Umrah memandangkan kadar kes penipuan tersebut telah semakin meningkat.
45. PN-1311-L16804
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), supaya setiap kawasan pilihan raya di peringkat Parlimen dan DUN dicadangkan dua orang wakil daripada ahli parti yang bertanding, seorang wakil rakyat dan seorang pembantu wakil rakyat. Dengan cara begini jika ada kematian, pembantu wakil rakyat boleh menjadi wakil rakyat.
46. PN-1311-L16760
Datuk Chiew Tiang Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang bakal diambil terhadap segolongan rakyat Malaysia yang mengadakan perhimpunan haram dan tunjuk perasaan di negara jiran bertujuan membantah keputusan pilihan raya yang jelas telah mencemarkan imej dan maruah negara kita di arena antarabangsa.
47. PN-1311-L16231
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) bilakah Lebuhraya Pantai Timur (LPT) akan siap sepenuhnya; dan
 - (b) nyatakan lebuhraya-lebuhraya yang sedang dibina sekarang dan akan dibina di masa akan datang berserta dengan kosnya.
48. PN-1311-L16735
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kadar kes bunuh bersenjata api semakin meningkat dan sama ada ini adalah kerana kawalan sempadan yang kurang memuaskan.

49. PN-1311-L16696
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan Projek Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP) yang akan dibangunkan dalam 3 fasa untuk tempoh 12 tahun di Sungkai, Perak.
50. PN-1311-L16841
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pelan dan tindakan Kerajaan untuk membendung masalah peningkatan jenayah ini dilihat berkesan dan apakah statistik keberkesanan pelan ini dalam aspek menangani jenayah.
51. PN-1311-L16456
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai suatu mekanisme untuk bekerjasama dengan Republik Indonesia untuk menangani masalah jerebu yang berulang setiap tahun berturut-turut.
52. PN-1311-L16708
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan IPTA-IPTA yang menawarkan kursus perubatan serta statistik pengambilan pelajar dari 2008 hingga 2013 mengikut pecahan bangsa. Antaranya, berapakah pelajar yang ditawarkan jurusan perubatan dari saluran Matrikulasi, STPM dan saluran lain (jika ada) mengikut pecahan bangsa.
53. PN-1311-L16495
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menubuhkan suruhanjaya khas bagi menangani jenayah agama seperti penghinaan kepada Rasulullah SAW, mempertikaikan keislaman golongan tertentu, isu kalimah Allah, isu murtad, penggunaan Bahasa Melayu dalam Bible serta pelbagai lagi ancaman yang jelas menggugat kesucian Islam serta menerbitkan ketidakselesaian hubungan antara agama di negara ini.
54. PN-1311-L16340
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anak tak sah taraf yang didaftarkan pada tahun 2011 dan 2012 mengikut negeri dan nyatakan peratusan daripada jumlah kelahiran yang didaftarkan.
55. PN-1311-L16334
Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar India yang mendapat tempat setiap tahun untuk mengikuti program matrikulasi dari tahun 2008 sehingga 2013, melalui permohonan biasa dan melalui rayuan.
56. PN-1311-L16560
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan meluluskan permohonan Syarikat Pengangkutan Awam menaikkan tambang sebanyak 20 peratus. Jika hendak diluluskan, berikan sebab-sebabnya dan jika tidak, apa pula alasannya.

57. PN-1311-L16705
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah lokap di seluruh Malaysia. Memandangkan terdapat isu-isu berkaitan kecederaan parah dan kematian semasa di lokap dan apakah bilangan lokap yang dilengkapi dengan CCTV dan cara pemantauan.
58. PN-1311-L16410
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang harus diambil oleh Kerajaan Malaysia kepada negara jiran yang mencetuskan bencana jerebu dan apakah pampasan yang harus diterima di atas segala kerugian daripada segi ekonomi, alam sekitar dan lain-lain perbelanjaan tambahan untuk kesihatan yang ditampung oleh Malaysia.
59. PN-1311-L16864
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional pihak Kementerian menetapkan kadar 10% pelajar antarabangsa kepada semua IPTS untuk dinaikkan taraf Kolej Universiti.
60. PN-1311-L16890
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri pada tahun 2011, 2012 dan 2013 (anggaran) yang diperolehi dari PETRONAS sama ada dari aspek royalti, dividen, cukai korporat atau cukai petroleum dan berapakah pula jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh yang sama (2011, 2012, 2013) yang diperolehi dari kesemua syarikat-syarikat minyak antarabangsa dan tempatan yang lain.
61. PN-1311-L16442
Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah pekerja tempatan dan pekerja asing di kawasan Industri Samalaju Bintulu pada masa kini; dan
 - (b) adakah pekerja tempatan diberikan keutamaan semasa syarikat-syarikat kawasan Industri Samalaju mengambil pekerja-pekerja.
62. PN-1311-L16697
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bentuk tindakan dan langkah-langkah pencegahan trend parti-parti politik mengadakan himpunan aman dan protes jalanan yang menyebabkan kesesakan jalan raya dan provokasi jahat yang bakal mencetus suasana tidak aman di Malaysia dan meresahkan rakyat untuk menjalani kehidupan aman tanpa gangguan.
63. PN-1311-L16586
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) pandangan Kementerian berkaitan merosotnya semangat kejiranan yang suatu masa dahulu begitu kukuh dan harmoni tanpa mengira agama dan budaya; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang dikenal pasti oleh Kementerian dalam usaha mengembalikan semangat kejiwaan terutamanya di bandar-bandar besar selaras dengan konsep 1Malaysia.
64. PN-1311-L16401
Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewajibkan semua model kereta nasional, model CBU (Completely Build Unit) dan model CKD (Completely Knock Down) di pasaran tempatan di turunkan harga secara sistematik dan tidak hanya melibatkan model-model terpilih sahaja seperti yang di praktikkan sekarang ini.
65. PN-1311-L16906
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang butiran tawaran serta pernyataan hasrat rekonsiliasi nasional pasca Pilihan Raya Umum Ke-13 dan adakah ia akan melibatkan pemberhentian diskriminasi terhadap penyaluran geran peruntukan tahunan untuk ahli-ahli parlimen bukan dari kalangan Barisan Nasional dan permulaan kepada kerjasama yang lebih baik dengan negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional.
66. PN-1311-L16366
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci jumlah kemalangan yang berlaku di tapak pembinaan, jumlah yang cedera dan maut dalam tempoh lima tahun lalu, serta punca dan langkah-langkah bagi mengatasi kemalangan berkenaan.
67. PN-1311-L16297
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang membentuk jawatankuasa khas bagi menangani isu penjualan makanan ringan (jajan) di luar pagar sekolah yang masih banyak berlaku.
68. PN-1311-L16230
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah PETRONAS bagi membolehkan negara terus menikmati kemapanan tenaga untuk jangka panjang khususnya bagi menambah rantai nilai dalam industri hiliran dan gas serta kuasa tempatan.
69. PN-1311-L16539
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bahawa baru-baru ini ada seorang lagi pelumba basikal negara yang telah meninggal dunia kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa latihan. Apakah langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk menentukan keselamatan atlit-atlit negara, khasnya pelumba-pelumba basikal.

70. PN-1311-L16646
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan prosedur baru mendapatkan VISA Umrah menjadi rumit apabila pemohon VISA perlu mendapatkan pengesahan kad pengenalan serta sijil lahir mahram bagi wanita. Pemohon terpaksa pergi ke JAWI, JPN dan Kementerian Dalam Negeri untuk pengesahan dokumen. Ini memakan masa yang panjang. Sepatutnya VISA Umrah dipermudahkan kerana khusus untuk ibadah sahaja. Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam hal ini.
71. PN-1311-L16388
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan dan dampak ke atas para pekerja di Malaysia sekiranya Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) dimuktamadkan dan ditandatangani nanti. Adakah ianya memberikan kesan negatif terhadap kehidupan para pekerja dan keluarga mereka.
72. PN-1311-L16421
Datuk Pau Chiong Ung minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jenis dakwat kekal yang dibeli dan jumlah perbelanjaan untuk pembelian dakwat kekal sempena Pilihan Raya Umum ke-13; dan
 - (b) adakah masalah-masalah yang dihadapi dalam PRU-13 dalam penggunaan dakwat kekal dan berapakah jumlah perbelanjaan untuk PRU-13.
73. PN-1311-L16531
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada jumlah 29.7 juta rakyat Malaysia, berapa ramai yang layak membayar cukai pendapatan yang telah membayar cukai pada tahun 2012. Dari jumlah 450 ribu buah syarikat di negara ini, berapa buah syarikat yang dikenakan cukai dan berapa pula yang telah menjelaskannya pada tahun 2012. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan individu dan syarikat yang patut dikenakan cukai menjelaskan bayaran tersebut.
74. PN-1311-L16619
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan mengenai cadangan bagi mengadakan undang-undang khas bagi menyekat NGO yang aktif berpolitik mendapatkan dana luar negeri iaitu seperti yang telah dilaksanakan di Amerika Syarikat dan Rusia.
75. PN-1311-L16469
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kes-kes pelajar perempuan yang dirogol hingga berlakunya perkahwinan remaja dan kehamilan luar nikah dari tahun 2000-2010 mengikut umur dan pecahan kaum di seluruh negara. Nyatakan jumlah dan peratusan pelajar perempuan dari tahun 2000-2010 yang kembali semula ke sekolah.

76. PN-1311-L16303
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah mesin dialisis yang terdapat di hospital dan klinik Kerajaan seluruh Malaysia dengan butiran lokasi-lokasinya dan juga nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambah mesin-mesin ini.
77. PN-1311-L16827
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan Kementerian serius terhadap usaha memartabatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan memandangkan sejak kebelakangan ini sebagai contoh pembangunan di kawasan komersial dan perumahan lebih ghairah menggunakan nama dalam Bahasa Inggeris berbanding memilih menggunakan nama berbaur Melayu. Harap tindakan serius dan garis panduan diwujudkan untuk memartabatkan kembali Bahasa Malaysia di negara ini.
78. PN-1311-L16686
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah cara terbaik Kementerian menyelesaikan isu dua kerakyatan bagi penduduk Selatan Thailand demi untuk menjamin keselamatan negara dan menangani aktiviti penyeludupan dan jenayah yang akan mungkin berlaku dalam isu ini.
79. PN-1311-L16196
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah subsidi Kerajaan bagi ubat-ubatan di hospital-hospital Kerajaan bagi tahun 2010 hingga 2012.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu. “

2. **Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

- | | | | |
|----|---------------|-------------------------------------------------------|-----------------------------------|
| 3. | (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|---------------|-------------------------------------------------------|-----------------------------------|

[Menteri Kewangan]

4. PN-1311-U16251
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PN-1311-U16252

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

6. PN-1311-U16256

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

7. PN-1311-U16257

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini.

Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

[Menteri Sumber Manusia]

8. PN-1311-U16387

Dato' Boon Som a/l Inong akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan. Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran. Begitu juga dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN 2013</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| CMD.17 | Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2012 | 22 Julai 2013 |
| CMD.17A | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, Tahun 2012 Bagi Kerajaan Malaysia | 22 Julai 2013 |
| CMD.18 | Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 | 22 Julai 2013 |
| CMD.18A | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 Bagi Kerajaan Malaysia. | 22 Julai 2013 |
| CMD.19 | Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2012 Hingga 31 Disember 2012, Menurut Peraturan 68 di bawah Peraturan- Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. | 22 Julai 2013 |
| CMD.20 | Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 | 22 Julai 2013 |
| CMD.20A | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 Bagi Kerajaan Malaysia. | 22 Julai 2013 |
| CMD.21 | Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 | 22 Julai 2013 |

| <u>TAHUN</u> <u>2013</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|-------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|
| CMD.21A | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2013 Bagi Kerajaan Malaysia. | 22 Julai 2013 |
| ST.25 | Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2012 Hingga 31 Disember 2012 Menurut Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 | 22 Julai 2013 |